

Remaja buta hafaz al-Quran

Adam Hussaini
guna Braille,
jadi hafiz dalam
tempoh 4 tahun

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Dilahirkan buta tidak menghalang seorang remaja berusia 17 tahun bergelar hafiz dalam tempoh empat tahun hafalan.

Malah, Adam Hussaini Mohd Rosli, anak bongsu kepada pasangan pendidik itu juga mampu membaca dan menulis bahasa Arab dengan baik.

Dia yang menuntut di Maahad Tahfiz dan Pengajian Islam Darul Hijrah Baling, Kedah muncul antara 21 pelajar terbaik program Syahadah dan menerima hadiah wang tunai RM1,000 serta sijil kecemerlangan sempena majlis Konvokesyen Himpunan Huffaz Permata al-Quran peringkat Nusantara di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, di sini, semalam.

Bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik bagi mencurahkan ilmu, terutama kepada golongan kurang upaya (OKU), Adam Hussaini berkata, dia menghabiskan

masa kira-kira 15 jam sehari untuk mempelajari bahasa Arab dan membaca al-Quran menggunakan Braille.

“Dorongan dan galakan diberikan ibu, Hasnah Hashim, 54, dan bapa yang juga bekas pesara guru, Mohamad Rosli Hassan, 62, serta sisihkan sikap jemu untuk belajar menjadi kunci kejayaan.

“Selain itu, kesungguhan belajar menggunakan braille sejak sekolah rendah lagi membuatkan saya dapat menguasai al-Quran dengan mudah seterusnya menghafalnya,” katanya.

Majlis perasmian dan penyampaian anugerah dilakukan EXCO Pelaksanaan Syariah, Pendidikan

Dorongan dan galakan diberikan ibu, Hasnah Hashim, 54, dan bapa yang juga bekas pesara guru, Mohamad Rosli Hassan, 62, serta sisihkan sikap jemu untuk belajar menjadi kunci kejayaan.

Adam Hussaini Mohd Rosli,
pelajar



Hasnah dan Mohamad Rosli melihat anugerah yang diterima Adam Hussaini pada Majlis Konvokesyen Himpunan Huffaz Permata Al-Quran Malaysia peringkat Nusantara di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus.

(Foto Imran Makhzan /BH)

dan Pengajian Tinggi negeri, Satipul Bahari Mamat.

Turut hadir ialah Presiden Permata Al-Quran, Manolito Mohd Dahlan dan Pengarah Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (i-MiTS), Kamaruzaman Abdullah.

Adam Hussaini yang juga bekas murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pendidikan khas Alma, Bukit

Mertajam, Pulau Pinang, berkata dia kini sedang membuat persiapan untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) November depan.

“Saya mengambil peperiksaan SPM kategori calon persendirian dan mengulang kaji pelajaran dengan bimbingan ibu yang bertugas sebagai guru di Sekolah Model Khas, Baling, Kedah.

Sementara itu, Satipul Bahari yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Paka, berkata pendidikan tahfiz penting kepada sistem pendidikan negara pada masa kini.

Katanya, ia sejajar merealisasikan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ke arah melahirkan insan yang berguna kepada agama bangsa dan negara.